



Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

PERLINDUNGAN PERKESO SEMASA BEKERJA DI RUMAH

(WORK FROM HOME)

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

BIL.1/2020 | 13 JUN 2020 BIL.

1. Apakah itu Insentif Pengaturan Kerja Fleksibel?

- Insentif ini diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Jun 2020 melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara bagi menggalakkan penyertaan serta produktiviti tenaga pekerja Malaysia dengan pengaturan kerja dari rumah selaras dengan amalan norma baharu pekerja-pekerja.
- Antara Insentif Kerajaan adalah menyediakan perlindungan keselamatan sosial PERKESO kepada pekerja yang layak semasa menjalankan pekerjaan dari rumah menerusi Skim Bencana Kerja yang diperuntukan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

2. Apakah itu definisi Work From Home (WFH)?

- Work From Home (WFM) ataupun bekerja dari rumah adalah aktiviti pekerjaan seseorang pekerja yang menjalankan tugas rasmi mereka di premis atau tempat kediaman yang diarahkan oleh majikan.



3. Adakah bekerja secara *remote* ataupun *anywhere* dianggap sebagai WFH?

- Tidak.

4. Siapakah yang layak di bawah insentif ini?

- Semua “pekerja” yang telahpun didaftarkan dan mencarum di bawah Skim Bencana Kerja (SBK), Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4].
- Takrifan “pekerja” yang dimaksudkan adalah seorang yang diambil bekerja dengan bergaji di bawah satu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan dengan majikan sesuatu perusahaan yang diliputi di bawah Akta 4.

5. Adakah seorang pekerja itu dilindungi di bawah Skim Bencana Kerja PERKESO jika mereka ditimpa musibah semasa WFH?

- Pekerja yang ditimpa musibah dilindungi di bawah Skim Bencana Kerja bila kemalangan atau suatu penyakit khidmat itu terbit dan dalam masa pekerja menjalankan aktiviti pekerjaannya semasa bekerja di rumah. Namun, siasatan akan dijalankan untuk memastikan kemalangan berkenaan adalah bencana kerja selaras dengan seksyen 2(6), Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969[Akta 4].

6. Adakah PERKESO melindungi pekerja sementara dan kontrak di bawah insentif ini?

- Ya. Pekerja sementara dan kontrak adalah wajib didaftarkan dan dilindungi oleh PERKESO di bawah Akta 4.

7. Apakah had umur pekerja untuk mencarum di bawah Skim Bencana Kerja PERKESO?

- Tiada had umur untuk pekerja mencarum di bawah Skim Bencana Kerja selagi beliau masih bekerja selaras dengan takrifan pekerja di soalan (4).

8. Bagaimakah cara untuk membuat tuntutan sekiranya kemalangan berlaku semasa WFH?

- Majikan hendaklah melaporkan kepada PERKESO dengan mengisi Butiran Notis dan Tuntutan Faedah (Borang 34) dan dikemukakan bersama salinan kad pengenalan, sijil cuti sakit, dokumen berkaitan mengesahkan pekerja bekerja di rumah dan lain-lain dokumen yang diperlukan oleh PERKESO.
- Borang tuntutan boleh diperolehi melalui laman web PERKESO di <https://www.perkeso.gov.my>.

9. Dalam situasi bagaimana pekerja tidak dilindungi di bawah Skim Bencana Kerja PERKESO jika beliau ditimpa musibah di rumah?

- Pekerja tidak dilindungi di bawah Skim Bencana Kerja PERKESO jika mereka ditimpa musibah / kemalangan akibat daripada menjalankan



aktiviti yang **tidak terbit daripada pekerjaannya atau bersifat peribadi** walaupun aktiviti tersebut dijalankan dalam tempoh waktu bekerja.

10. Adakah terdapat syarat yang khusus yang ditetapkan oleh PERKESO bagi majikan untuk membenarkan pekerja menyertai insentif WFH?

- Majikan adalah dikhendaki mendapatkan surat keizinan masuk premis dari pekerja sebagai penghuni di rumah kediaman tersebut untuk mengizinkan anggota PERKESO memasuki premis tersebut tanpa halangan daripada pekerja berkenaan bagi membenarkan anggota PERKESO melakukan tindakan atau penguatkuasaan di bawah Akta 4.
- Surat keizinan masuk premis ini hendaklah dikemukakan kepada PERKESO sama ada semasa tuntutan dibuat bersama sama dengan borang 34 atau pada bila-bila masa. Contoh surat keizinan daripada pekerja akan disediakan kemudian di <https://www.perkeso.gov.my>.



11. Apakah faedah-faedah yang layak dituntut di bawah Skim Bencana PERKESO?

- Faedah di bawah Skim Bencana Kerja¹:

| FAEDAH | BUTIRAN |
|---|--|
| Faedah Perubatan | Rawatan perubatan secara percuma di klinik panel PERKESO atau klinik/hospital Kerajaan kepada pekerja yang ditimpa Bencana Kerja atau menghidap penyakit khidmat sehingga mereka pulih sepenuhnya. |
| Faedah Hilang Upaya Sementara | Dibayar pada kadar 80% gaji harian purata anggapan kepada pekerja sepanjang tempoh cuti sakit yang disahkan oleh doktor dan mestilah sekurang-kurangnya 4 hari termasuk hari kemalangan. Kadar minimum faedah adalah RM30 sehari dan maksimum RM105.33 sehari . |
| Faedah Hilang Upaya Kekal | Dibayar pada kadar 90% gaji harian purata anggapan kepada pekerja yang mengalami hilang upaya kekal akibat Bencana Kerja. Kadar minimum faedah adalah RM30 sehari dan maksimum RM118.50 sehari . |
| Elaun Layanan Sentiasa | Dibayar pada kadar RM500 sebulan kepada pekerja yang ditaksirkan sebagai Hilang Upaya Kekal lansung (100%) dan sentiasa memerlukan layanan seseorang dengan pengesyoran Jemaah Doktor. |
| Kemudahan Pemulihan Jasmani / Vokasional / Return To Work (RTW); | Diberikan kepada pekerja yang layak dalam bentuk pemulihan jasmani iaitu fisioterapi, terapi pekerjaan, pemberdayaan rekonstruktif, bekalan prostetik, ortotik, ortopedik dan lain-lain alat serta pemulihan vokasional termasuk Program Return to Work (RTW). |
| Faedah Orang Tanggungan | Dibayar pada kadar 90% gaji harian purata anggapan kepada orang tanggungnya sekiranya pekerja tersebut meninggal dunia akibat bencana pekerjaan; tertakluk pada kadar minimum faedah adalah RM30 sehari dan maksimum RM118.50 sehari . Balu / Duda layak mendapat faedah sepanjang hayat dan anak sehingga berumur 21 tahun atau berkahwin mengikut syer yang telah ditetapkan. |

| | |
|--------------------------------|---|
| Faedah Pengurusan Mayat | Dibayar sebanyak RM2,000 secara one-off kepada pekerja yang meninggal dunia akibat bencana kerja atau semasa menerima faedah hilang upaya kekal berkala. |
|--------------------------------|---|

¹ Nota: Untuk penjelasan lanjut mengenai faedah Skim Bencana Kerja, sila rujuk laman web di [sini](#).

Jika terdapat pertanyaan lanjut, anda boleh menghubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian [1-300-22-8000](tel:1300228000) atau e-melkan kepada perkeso@perkeso.gov.my

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

13 JUN 2020

